

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan Kerajaan bagi menjadikan TVET sebagai program pilihan pertama dan tidak dijadikan sebagai pilihan kedua para pelajar serta tahap keberkesanan program ini yang mampu melahirkan generasi pelajar mentaliti kelas pertama dan kebolehpasaran yang mampu bersaing di peringkat tempatan dan global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah mengarusperdanakan latihan kemahiran sebagai pilihan utama. Kerajaan membuka luas peluang latihan kemahiran kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan status sosioekonomi. Seajar dengan usaha menjayakan hasrat negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, usaha-usaha mengarusperdana latihan kemahiran di peringkat nasional terus dipergiatkan menerusi Kempen *SkillsMalaysia*. Peluang memasuki latihan kemahiran dibuka kepada lepasan sekolah supaya dapat meningkatkan bilangan pekerja berkemahiran dalam pasaran pekerjaan. Dengan itu, kempen untuk meningkatkan kesedaran dan persepsi positif terhadap latihan kemahiran di kalangan pelajar yang berpotensi dan ibu bapa terus dipergiat dan diperluaskan. Kempen ini akan memberi penekanan terhadap manfaat memasuki pasaran pekerjaan dengan kelayakan kemahiran termasuklah peluang pekerjaan dan laluan kerjaya yang lebih menarik melalui pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

2. Antara usaha yang dilakukan adalah:

- i) Mengadakan kempen dan jerayawara (*roadshows*) berskala mega di seluruh negara melalui beberapa siri karnival kemahiran, pameran jemputan, ceramah jemputan, seminar kemahiran serta jelajah kemahiran; dan
- ii) Mengadakan promosi melalui pelbagai saluran:
  - Media cetak seperti laporan akhbar dan iklan akhbar;
  - Media elektronik seperti dokumentari, temuramah televisyen, iklan televisyen, temuramah radio dan iklan radio dengan siaran pada waktu puncak;

## SOALAN NO : 38

- *Outdoor Ad* seperti *Billboard* dan iklan di pengangkutan awam; dan
- Media sosial dengan penggunaan *Youtubers*, *Instafamous* dan *facebookers* berpengaruh.

3. Sehingga Mei 2020, lebih Sembilan Ribu, Lima Ratus Empat Puluh Empat (9,544) aktiviti promosi telah dijalankan di seluruh negara. Kesimpulannya, usaha penyebaran informasi dan mempopularkan TVET dalam kalangan golongan sasaran terutamanya anak-anak muda akan terus diperhebatkan oleh Kerajaan supaya lebih ramai menceburi bidang TVET dan dapat menaik taraf kehidupan mereka.

4. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) menyediakan dua (2) kaedah untuk pelajar lepasan sekolah menengah bagi mengikuti latihan berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) iaitu Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). SLaPB adalah suatu program latihan kemahiran yang dijalankan oleh Pusat Bertauliah (PB) yang ditauliahkan oleh JPK bagi bidang dan tahap kemahiran yang tertentu. Sehingga Mei 2020, terdapat Seribu Tiga Ratus Dua (1,302) PB yang merangkumi Tujuh Ratus Lapan Puluh (780), PB Awam dan Lima Ratus Dua Puluh Dua (522), PB Swasta. Manakala SLDN adalah program dilaksanakan dengan berkonsepkan 70 % latihan praktikal di tempat kerja (*work place*) dan 30% pembelajaran teori di institusi latihan.

Sekian, terima kasih.